



JARINGAN USAHAWAN PERABOT

Simposium himpun 101 pengusaha muda perkakas kayu

Nor Hanisah Kamaruzaman
rencana@hmetro.com.my

Seramai 101 usahawan muda perabot menyertai simposium Usahawan Muda Perabot Kebangsaan 2017 yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, baru-baru ini.

Acara yang dianjurkan Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) itu adalah satu daripada inisiatif bagi membangunkan industri perabot Bumiputera.

FITEC turut bekerjasama dengan Fakulti Perhutanan, UPM bertujuan memberi inspirasi dan sokongan kepada penuntut yang menceburkan industri perabot sebagai pelapis pada masa

hadapan.

Peserta yang menyertai simposium itu adalah usahawan muda terdiri daripada penuntut institusi pengajian tinggi antaranya UPM, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran MARA (IKM), Giat MARA dan Politeknik yang terbabit dalam program industri kayu.

Program berkenaan menyasarkan untuk membentuk jaringan usahawan muda perabot. Selain menyalurkan maklumat keusahawanan kepada usahawan muda dan bakal usahawan mulakan perniagaan.

Simposium itu turut mendedahkan kurang satu peratus jumlah pelajar

lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih bidang pengkhususan perabot di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) setiap semester.

Statistik turut menunjukkan perkongsian pasaran Bumiputera hanya mencatatkan sekitar dua peratus walaupun industri berkenaan menjana pendapatan RM10 billion setahun.

FITEC turut mendedahkan kurang kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan pelajar berkenaan prospek serta kerjaya dalam industri perabot menjadi punca kursus ditawarkan MARA dan agensi berkaitan kurang mendapat sambutan.

Simposium berkenaan

turut membincangkan isu perubahan teknologi mesin, bahan dan sosial yang memerlukan strategi seimbang.

Pembentukan penuntut bidang pengkhususan perabot dari IPTA turut diharap menjadi tumpuan.

Selain menjadi pemangkin bagi penuntut Bumiputera lain menceburkan diri ke dalam keusahawanan perabot.

Program yang berlangsung dari jam 9 pagi hingga 5 petang itu menampilkan empat tetamu sebagai pengisian simposium penyarah dari UPM Prof Dr Jegatheswaran Ratnasingam (Peluang Keemasan Dalam Industri Perabot) dan Albert Khoo dari Malaysian Furniture

Council yang berkongsi pengalaman usahawan perabot berjaya.

Selain itu, tetamu dari Venture Edge Asia Ahmad Ziyad Maricar turut hadir bagi menyampaikan ceramah bertajuk Tunjukkan Saya Wang untuk Memulakan Perniagaan Perabot dan wakil dari FITEC Kamarudin Kalib membicarakan topik Bagaimana Menjadi Usahawan Perabot yang Cerdik.

Sesi forum pada penghujung program menampilkan perbincangan tiga panel iaitu Dr Jegatheswaran, Kamarudin dan wakil dari Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Robiyah Husin.